



## "SEJAHTERAKAN UMMAH DENGAN DAKWAH"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلٍ: وَلَتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ  
وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَا عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ

الْمُفْلِحُونَ

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فِيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،  
أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّا يَ بَتَقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ  
الَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِلِهِ  
وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,



Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru kepada sidang Jumaat yang dikasihi sekalian, marilah kita bertaqwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan semua perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah SWT ialah orang yang paling bertaqwa. Kerana taqwa merupakan penentu martabat kita disisi Allah SWT. Istiqamahlah kita mengamalkan segala ajaran Allah SWT dan suruhan Rasulullah SAW. Dengan menta'ati Allah dan Rasul-Nya, insyaAllah kita akan disayangi oleh Allah SWT serta akan beroleh kejayaan samada di dunia mahupun di akhirat nanti.

### **Sidang Jumaat Yang di Rahmati Allah,**

Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk "**SEJAHTERAKAN UMMAH DENGAN DAKWAH**". Semoga dengan ini kita dapat memahami, menyedari dan mengakui bahawa gerak kerja dakwah perlu dilakukan setiap masa dan ianya tidak punya titik penamat. Sesungguhnya medan dakwah amat luas, pelbagai dan memerlukan ramai tenaga penggerak yang sedia bekerja secara bersama dan berterusan.

### **Sidang Jumaat Yang di Rahmati Allah,**

Sesungguhnya berdakwah itu merupakan suatu jihad. Mereka yang bersungguh-sungguh dan istiqamah melakukan dakwah sebenarnya sedang berjihad di jalan Allah SWT. Para pendakwah akan mengorbankan masa, tenaga, wang ringgit dan harta benda untuk menyampaikan risalah Islam. Mereka membela agama, mengajak masyarakat meyakini Islam dan menasihati jika tersasar daripada syariat-Nya. Ini merupakan satu tanggungjawab berat serta memerlukan komitmen yang tinggi dan dilakukan dengan bersungguh-sungguh. Mudah-mudahan para pendakwah yang telah



memilih untuk berdakwah akan terus berada di medan dakwah bagi melanjutkan tugas para rasul dan nabi bagi menyampaikan risalah Islam.

Para pendakwah telah mengorbankan diri mereka dalam rangka mencintai Allah Ta'ala, membela agama Allah, meninggikan kalimat Allah, dan menentang musuh-musuh Allah dengan cara mengingatkan manusia supaya sentiasa mematuhi perintah Allah SWT. Para pendakwah bakal mendapat keberkatan dan limpahan pahala dari Allah SWT. Sesungguhnya suasana damai, aman, tenteram dan sejahtera yang kita nikmati sekarang memerlukan kita berjihad bagi membangunkan ummah, memerangi kejahilan disamping mengatasi atau mengawal pelbagai masalah sosial yang terus berlaku.

### **Sidang hadirin sekalian,**

Tugas dakwah yakni menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran adalah kewajipan yang perlu didokong bersama oleh setiap individu muslim. Para pendakwah hendaklah sentiasa merujuk kepada sumber al-Quran, al-Hadis, ijmak ulama dan qias bagi merangsang semangat berdakwah dan mengatur gerakan dakwah demi meninggikan syiar Islam. Semoga setiap individu muslim sentiasa memperjuang dan menyebarkan risalah Islam agar ia didaulat dan dinobatkan semula di persada kegemilangan. Berdakwah boleh dilakukan secara individu atau secara berjemaah melalui badan-badan, pertubuhan, persatuan, kelompok atau jemaah yang bergerak di bidang dakwah.

Firman Allah SWT dalam Surah at-Taubah ayat 71:



وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلَيَاءُ بَعْضٍ  
يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَاونَ عَنِ الْمُنْكَرِ  
وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكُوَةَ وَيُطِيعُونَ  
اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَأُولَئِكَ سَيِّرَ حَمْمُ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ



"Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sesetengahnya menjadi penolong bagi setengah yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan dan melarang daripada berbuat kejahanan dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana".

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Para pendakwah hendaklah sentiasa berpegang dengan tali Allah kerana itu sahajalah tali penyelamat terbaik bagi kita di dunia, mahupun akhirat. Seruan meneruskan gerakan dakwah adalah suatu rangsangan untuk menegakkan kebenaran, bukan merupakan suatu hasutan. Tidak syak lagi bahawa masyarakat amat mengimpikan kebenaran, keadilan ditegak dan dizahirkan. Masyarakat ingin melihat Islam mampu menyampaikan kerahamatan-Nya kepada semua manusia dan juga makhluk yang ada di dunia ini. Maka menjadi satu kewajipan kepada kita untuk melaksana tugas



mulia secara berhikmah, bijaksana dan berstrategi. Ciri ini adalah amat penting bagi menjayakan misi dakwah.

Oleh itu mari kita gembleng tenaga, fikiran dan melakukannya dengan bersungguh-sungguh bagi mencapai kejayaan dan keredhaan Allah SWT demi kesejahteraan ummah melalui gerak kerja dakwah. Antara perkara yang perlu kita lakukan ialah;

1. Kita hendaklah menyemarak dan menyegarkan semula gerak kerja bersepadu dakwah Islamiyah ke seluruh Selangor.
2. Kita hendaklah menyatu, menggabung, mengatur, menyelaras dan merancang seluruh tenaga gerak kerja dakwah untuk beroperasi dengan lebih berkesan.
3. Kita hendaklah mempertingkat dan memperkuat jaringan kerja dakwah dengan semua pihak.
4. Kita hendaklah memaksimakan penggunaan institusi seperti masjid, surau, sekolah, badan bukan kerajaan dan pusat komuniti dalam menyampaikan wacana dakwah Islamiyah, sebagai usaha merakyatkan pemahaman dan penghayatannya.
5. Agensi kerajaan dan organisasi dakwah hendaklah merangka dan menyediakan dokumen strategi bertindak merancang aktiviti dakwah jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang melaksanakan pelan dakwah bagi memastikan usaha dakwah dilakukan dengan teratur dan berkesan.



6. Kita hendaklah memperluaskan sasaran dan medan dakwah kita bukan sekadar di masjid sahaja. Tetapi lebarkannya di kilang-kilang, pusat perniagaan, pasara-pasar malam, kelab-kelab belia dan sebagainya.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ  
وَمَنْ أَحْسَنْ قَوْلًا مِّمَنْ دَعَ إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَلِحًا  
وَقَالَ إِنِّي مِنَ الْمُسْلِمِينَ

"Dan tidak ada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada (mengesakan dan mematuhi perintah) Allah, serta ia sendiri mengerjakan amal yang salih, sambil berkata: "Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang Islam (yang berserah bulat-bulat kepada Allah)!".

(Fussilat - 33).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ، لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.  
اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلٰى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar umatnya supaya bersikap sederhana dalam segala amalan dan tindakan. Pada masa yang sama umat Islam disaran supaya menjauhi sebarang bentuk ekstremis dalam mengamalkan dan memartabatkan agama Islam. Umat Islam juga hendaklah menjadi umat contoh yang membawa rahmat ke seluruh alam.



إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْمُرُهَا  
الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوٰةً عَلَيْهِ وَسَلَمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ  
أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.  
الَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءَ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ  
سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ  
الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ  
الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَاءِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ  
الْعَظِيمَ آنْ تَحْفَظَ بَعِينَ عِنَّا يَتِيكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحِفْظِ  
وَقَائِتِيكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَّ لَهُ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانِ  
سَلَاغُورِ، سُلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ



الْحَاجُ ابْنُ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَالَاحِ الدِّينِ عَبْدِ  
الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ۔ اللَّهُمَّ أَدْمِ اَلْعَوْنَ وَالْهَدَائِيَةَ  
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ  
سَلَاغُورِ، تَعْكُو أَمِيرَ شَاهِ اِبْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ  
الْدِينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ فِي أَمْنٍ وَصَالَاحٍ وَعَافِيَةٍ  
بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَالْجَلَالَ وَالْإِكْرَامِ۔ اللَّهُمَّ أَطْلِ  
عُمَرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوَظَّفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،  
وَبِلْغُ مَقَاصِدِهِمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ۔

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau



redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadratmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman syiah yang melampau dan Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir miskin serta mereka yang menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

Demikian juga ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا إَاتِنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادُ  
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ  
ذِي



الْقُرَبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩﴾

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَدْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ  
نَعْمَهِ يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

JAIS/Nurul \*\*  
22.12.2014